

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI (SRAI)

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan prestasi sekolah SRAI di Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Negeri ada merancang untuk membina SRAI yang baru bagi menggantikan SRAI Salak Tinggi yang serba dhaif kerana lokasi yang sudah tidak sesuai?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memastikan prestasi sekolah-sekolah di bawah pentadbiran dan seliaan JAIS terus ditingkatkan dengan:
 - i- Melaksanakan program penilaian pelaksanaan konsep *Integreted Holistic Education System (IHES)* yang memberi penekanan kepada kemenjadian guru dan pelajar melalui protokol *Integreted Holistic Assessment Board (IHAB)*.
 - ii- Mempertingkatkan prestasi dan kompetensi guru melalui Kursus Peningkatan Profesionalisme Mata Pelajaran Teras dan Elektif
 - iii- Meningkatkan keupayaan guru dalam melaksanakan Krikulum Sepadu Sekolah Rendah (KSSR) dan kurikulum pendidikan Islam JAIS.
 - iv- Berusaha meningkatkan keperluan fizikal dan virtual bagi memaksimumkan pengajaran dan pembelajaran selaras dengan Revolusi 4.0 dan Smart Selangor.
- b) Cadangan pembinaan SRAI Salak Tinggi ini akan diteruskan dalam RMK 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PRESTASI GLC

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi terkini setiap anak-anak syarikat Kerajaan Negeri (GLC)?
- b) Apakah polisi Kerajaan Negeri bagi membuat lantikan di kalangan orang politik yang mempunyai merit dan kelayakan profesional?
- c) Apakah ada cadangan untuk menutup atau menggabungkan anak-anak syarikat yang kerugian atau apakah langkah susulan lain yang sedang dan akan dilakukan untuk mengatasinya?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah projek Rumah Selangorku yang sedang dibina dan dirancang pada tahun ini dan 3 tahun akan datang?
- b) Berapakah jumlah terkini projek Rumah Selangorku bagi kawasan Sungai Pelek dan dimanakah lokasinya?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan sasaran sebanyak 30,000 unit Rumah Selangorku untuk dibina dalam tempoh masa 5 tahun (2019-2023). Bagi tempoh 3 tahun bermula tahun 2019 hingga tahun 2021 bilangan projek yang disasarkan dalam pembinaan dan perancangan adalah sebanyak **44 projek (15,895 unit)**.
- b) Sehingga 15 Oktober 2019, terdapat satu (1) projek Rumah Selangorku dengan bilangan sebanyak 15 unit telah siap dibina.

No	Lokasi	Status	Unit
1	Pekan Sungai Pelek, Daerah Sepang.	Siap Bina	Jenis C : 7 Jenis D : 8 Jumlah :15
JUMLAH			15

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PROGRAM MENINGKATKAN EKONOMI RAKYAT

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri khususnya bagi menjana pendapatan tambahan rakyat selepas beberapa program IPR ditarik balik?
- b) Bagaimanakah program seperti PWB boleh dipanjangkan juga kepada kaum bapa dalam meningkatkan ekonomi keluarga?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek, Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya memberdayakan mereka dalam jangka panjang. **Semua program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah ditambahbaik melalui proses penjajaran** bagi memastikan pemberian bantuan Kerajaan Negeri dibuat secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan serta simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR.

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian dan juga pendidikan** yang disediakan untuk semua peringkat masyarakat di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, program-program penjana pendapatan rakyat ini akan ditawarkan kepada pemohon yang layak dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan serta bergantung kepada keadaan kewangan kerajaan.

Berikut dinyatakan program-program yang ditawarkan mengikut sektor masing-masing :

SEKTOR USAHAWAN

- i. **Kursus/ Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan**
Program latihan ini turut menekankan konsep *hands holding* di mana setiap langkah dalam dunia usahawan akan diberikan panduan teliti. Untuk rekod, program ini telah berjaya melahirkan beberapa usahawan muda berjaya.

ii. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) – INPENS

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan melalui kursus dalam bidang-bidang seperti berikut :

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliahkan Sijil SKM Tahap 3 : Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (*Online*)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
 - *Mobile Service Aircond*
 - Cuci Kasut
 - *Mobile Barber*
 - Ayam Gunting
 - Terapi Bekam
 - Bakeri
 - *Mobile Spa*
 - Dekorasi Pelamin
 - Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori peserta iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Daripada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi untuk julat pendapatan antara RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iii. Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan

Kerajaan Negeri turut mengadakan program dan bantuan kepada belia bagi tujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan seperti berikut:-

- a) Dana Usahawan Mikro Selangor;
- b) Pameran/ Ekspo;
- c) Karnival/ Festival Usahawan; dan

d) Kursus/ Latihan.

iv. Skim Bantuan HIJRAH Selangor

Melalui program HIJRAH Selangor, pinjaman kewangan diberikan kepada golongan belia bagi memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan berjaya melalui skim seperti berikut : -

JENIS SKIM	PINJAMAN	TEMPOH BAYARAN BALIK	CATATAN
SKIM 1	3,000.00 - 5,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 2	6,000.00 - 10,000.00	25 minggu (6 bulan)	
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 3	15,000.00 - 20,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 4	30,000.00 - 50,000.00	25 minggu (6 bulan)	
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 Minggu (36 bulan)	

SEKTOR PENDIDIKAN

i. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan untuk belia yang kurang berkemampuan namun ingin meneruskan pembelajaran walaupun tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional yang dibiayai berdasarkan kelayakan pemohon.

SEKTOR PERTANIAN

i. Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai Program untuk Generasi Muda yang berminat menceburi sektor pertanian sebagaimana berikut :-

- a) Program Agro Muda Selangor (AMSEL);
 - b) Program Bantuan Peralatan Pertanian;
 - c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda; dan
 - d) Pembukaan Tanah Pertanian.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, memang tidak dinafikan bahawa PWB menjalankan program yang memfokuskan kepada golongan wanita di Selangor. Walau bagaimanapun, untuk membantu kaum bapa meningkatkan ekonomi keluarga melalui penglibatan dengan Program Pusat Wanita Berdaya, Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga turut menawarkan program-program di bawah Modul Pembangunan Kapasiti. Berikut adalah modul-modul bersesuaian untuk disertai oleh kaum bapa yang terdapat di dalam Program Pembangunan Kapasiti Pusat Wanita Berdaya iaitu :

i. MODUL KEUSAHAWANAN

1. Memberi pendedahan mengenai apakah itu keusahawanan dan tujuan seseorang menjadi usahawan.
2. Menyampaikan pengetahuan asas memulakan perniagaan.
3. Memperkasakan peserta untuk menghadapi dunia keusahawanan dan perniagaan yang mencabar.

ii. MODUL ASAS PELABURAN

1. Memberi pemahaman tentang kuasa pengkompaunan (*power of compounding*).
2. Mengenalpasti jenis-jenis pelaburan dan membuat penilaian prestasi pelaburan.
3. Kepentingan perancangan untuk ketidakpastian, perlunya perlindungan dan mengetahui jenis perlindungan yang berlainan.
4. Tips membeli insurans/ polisi takaful untuk mengelakkan perlindungan yang tidak perlu.

iii. MODUL PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI DAN KELUARGA

1. Memberi pengetahuan pengurusan kewangan yang merangkumi aspek berikut :
 - Pengurusan aliran tunai dan bajet
 - Kepentingan pelaburan
 - Asas meminjam
 - Pengurusan hutang

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk sesi 2019 ini, di peringkat PWB DUN telah pun menerima penglibatan daripada kaum bapa bagi modul Pengurusan Kewangan Peribadi dan Keluarga serta Modul Pendemokrasian dan Hak Rakyat. Pusat Wanita Berdaya mengalu-alukan penglibatan lebih ramai lagi kaum bapa ke program-program Pembangunan Kapasiti yang dianjurkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SELANGOR SMART CITY

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan Selangor Smart City yang telah dilancarkan sejak Disember 2016?
- b) Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan daripada belanjawan yang diperuntukkan iaitu sebanyak RM10 juta pada 2016 dan RM27 juta pada 2017?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang tempoh pelaksanaan inisiatif Smart Selangor selama 44 bulan, pencapaian SSDU sehingga Oktober 2019 adalah sebanyak 26% daripada sasaran keseluruhan inisiatif sehingga tahun 2025. Berikut adalah inisiatif-inisiatif yang telah dilaksana:
 1. Sistem Pengurusan Pelaporan Jalan Berlubang (iRS) untuk seluruh Negeri Selangor
 2. Smart Selangor Parking (SSP) untuk sembilan (9) PBT
 3. Selangor Intelligent Transport System (SITS) untuk bas percuma Smart Selangor di seluruh Negeri Selangor
 4. Smart Selangor Bus Stop sebanyak 12 unit
 5. Smart Selangor Command Centre (SSCC) untuk operasi pemantauan oleh Unit Pengurusan Bencana (UPB) Negeri Selangor
 6. Communities OnLine (COOL) untuk seluruh Negeri Selangor
 7. Citizen Electronic Payment (CEPat) untuk tiga (3) PBT
 8. Sistem Pengurusan Pelaporan Bencana (iDRS) untuk seluruh Negeri Selangor
 9. Sistem Pelaporan Kerosakan Lampu Isyarat (TalMap) untuk seluruh Negeri Selangor

Di samping itu, SSDU turut menerima beberapa pengiktirafan daripada dalam dan luar negara dalam tempoh masa tersebut. Antara yang utama adalah :

1. November 2017: Pengiktirafan untuk Outstanding Dedication & Commitment for Smart City @ Sepang and Low Carbon City Initiative daripada Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)
2. Mac 2018: Pengiktirafan untuk Global Organization Smart Alliance at Global Organisation Smart Cities, Taipei oleh Smart Cities Alliance Taipei
3. April 2018: Pelantikan sebagai Economic Developmental Organisation (EDO) yang pertama di Asia oleh Amazon Web Services (AWS)

4. April 2019 - Pelantikan sebagai Subject Matter Expert (SME) oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membangunkan Smart City Framework di peringkat Kebangsaan
5. Oktober 2019 - Pengiktirafan untuk 2019 Emerging Southeast Asia Smart City Governance Agency of the Year Award oleh Frost & Sullivan

Di samping itu, 5 *Copyright* aplikasi mobile dan 1 *Copyright* rekabentuk Smart Bus Stop turut diperolehi oleh SSDU.

- b) Sehingga kini, peruntukan sebanyak RM10 juta yang diterima pada tahun 2016 telah dibelanjakan untuk pelaksanaan lab pelbagai pemegang taruh, aktiviti aktiviti *stakeholder engagement* dan penyediaan Blueprint Smart Selangor. Seterusnya untuk tahun 2017, hanya RM16 juta yang disalurkan kepada SSDU yang telah pun dibelanjakan untuk pelaksanaan enam (6) inisiatif Smart Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : TEMPOH MASA KELULUSAN PEWARTAAN TANAH

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah makna dan tujuan pewartaan tanah terhadap tapak pemindahan baru peniaga susur Ukay Perdana?
- b) Berapa lamakah kelulusan tersebut?
- c) Apakah perkara-perkara yang boleh menghalang kelulusan pewartaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDT Gombak) bersama-sama pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengenalpasti lokasi baharu yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak perniagaan bagi menempatkan peniaga-peniaga yang dahulunya berniaga di atas rizab jalan susur masuk Ukay Perdana. Tapak tersebut akan dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) sebagai tapak gerai di bawah kawalan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan diselenggara oleh MPAJ. Setelah tapak tersebut diwartakan, pihak MPAJ boleh membina gerai dan seterusnya menyewakan kepada peniaga-peniaga terbabit.
- b) Permohonan perizaban tapak tersebut telah pun diluluskan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 19 September 2019 dan kini dalam proses penyediaan Pelan Akui oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Selangor (JUPEM Selangor). Siar warta perizaban tapak ini akan dibuat setelah PDT Gombak menerima Pelan Akui bagi tapak berkenaan daripada pihak JUPEM Selangor.
- c) Tiada perkara yang boleh menghalang kelulusan pewartaan tersebut kerana YAB Dato' Menteri Besar telah pun meluluskan permohonan pewartaan tapak gerai tersebut pada 19 September 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KAEDAH PEMBAYARAN PAMPASAN APABILA BERLAKU
PENDUDUKAN TANAH SECARA TIDAK SAH**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan yang digunakan bagi tuntutan yang dibuat oleh mereka yang diarahkan berpindah dari tanah kerajaan yang diduduki secara tidak sah sekiranya sesuatu projek konsesi atau penswataan dijalankan? Adakah pampasan perlu dibayar oleh pemilik konsesi atau Kerajaan atau kedua-keduanya?

JAWAPAN:

- a) Antara halangan dalam melaksanakan Projek-Projek Kerajaan adalah isu pendudukan tanah secara tidak sah oleh pengusaha-pengusaha haram. Bagi mengatasi masalah ini, Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) digunapakai untuk mengeluarkan pengusaha-pengusaha haram dari Tanah Kerajaan.

Sebarang isu berbangkit dari penguatkuasaan Seksyen 425 KTN, perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengikut portfolio. Perkara ini juga boleh dirujuk ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk pertimbangan dan keputusan mesyuarat.

Isu pampasan akan diputuskan di dalam mesyuarat tersebut untuk digunapakai. Antara keputusan yang pernah diberikan adalah seperti penyediaan Rumah Selangorku, penggantian tanah mengikut usaha melalui TOL & sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBENTUNGAN DALAM DUN HULU KELANG

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Projek ini bermula dengan Pakej D44 Lembah Keramat Zon 3 pada 2016. Adakah pakej ini telah siap sepenuhnya?
- b) Berapakah kontraktor yang terlibat?
- c) Berapakah aduan dan gantirugi kepada penduduk dibuat jika ada?

JAWAPAN:

- a) Pakej D44 yang bermula dengan Lembah Keramat Zon 3 pada tahun 2016 belum disiapkan sepenuhnya. Pakej ini telah tergendala kerana Zon 3 merupakan kawasan pertindihan kerja-kerja pakej D44 dengan projek Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) di mana kontraktor utama JPP telah lewat menyiapkan projek mereka dalam tempoh kontrak mereka. Sehingga kini, kontraktor utama Pakej D44 masih tidak dapat memasuki kawasan tersebut untuk menyiapkan kerja-kerja Pakej D44. Pakej D44 ini dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada 31 Disember 2020.
- b) Kontraktor yang terlibat dalam projek pembetulan dalam Dun Hulu Kelang ini adalah Puncak Niaga Construction Sdn Bhd sebagai kontraktor utama dan mereka telah melantik satu sub-kontraktor untuk Zon 3 bagi membantu projek berjalan dengan lebih lancar.
- c) Terdapat sejumlah 6 aduan diterima daripada penduduk. Hanya dua aduan dan ganti rugi bernilai sejumlah RM70,000.00 telah diselesaikan. Empat aduan yang selebihnya adalah berkenaan dengan masalah keretakan rumah. Keretakan rumah ini akan diperbaiki oleh kontraktor selepas kerja akhir seperti lurang (*manhole*) disiapkan dahulu. Keretakan rumah ini dijangka akan diperbaiki sebelum 31 Disember 2020

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PROJEK PEMBENTUNGAN BUNUS KESELURUHAN DI HULU
KELANG**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pakej dan zon bagi projek ini?
- b) Berapakah pakej yang lewat siap?
- c) Bilakah projek ini akan selesai?

JAWAPAN:

- a) Projek pembedungan Bunus keseluruhan di Hulu Kelang cuma mengandungi satu pakej iaitu Pakej D44 yang melibatkan 5 zon.
- b) Pakej projek ini lewat disiapkan disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor utama projek ini lewat disiapkan adalah kerana terdapat arahan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia supaya memberhentikan projek pembedungan di sekitar Lebuhraya DUKE3 dan MRR2 untuk sementara waktu bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan dan pelebaran lebuhraya tersebut seperti dalam Lampiran. Tiada kerja-kerja pembinaan lain dibenarkan di sekitar kedua-dua lebuhraya tersebut sehingga kerja-kerja pembinaan dan pelebaran lebuhraya tersebut disiapkan.
- c) Pakej D44 ini telah mendapat kelulusan lanjutan masa sehingga 31 Disember 2020 dari Jabatan Perkhidmatan Pembedungan untuk keseluruhan projek disiapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMBINAAN BANGUNAN RAKSASA DI ZON INDUSTRI BEBAS HULU
KELANG**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tujuan apakah bangunan ini dibina?
- b) Bilakah permohonan dibuat dan bila diluluskan?
- c) Adakah had tempoh zon tersebut diwartakan sebagai zon industri bebas?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan ini dibina adalah bagi tujuan penyimpanan barang dan ruang perniagaan oleh pemaju Area Ventures Sdn Bhd.
- b) Pelan Kebenaran Merancang telah diluluskan oleh MPAJ dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 02/2016 dan pelan kelulusan Kebenaran Merancang diluluskan pada 17/10/2016.

Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur telah diluluskan oleh MPAJ dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 04/2017 bertarikh 22/2/2017 dan pelan kelulusan diluluskan pada 13/4/2017.

Pelan Bangunan telah diluluskan oleh MPAJ dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 04/2017 bertarikh 22/2/2017 dan pelan kelulusan Bangunan diluluskan pada 19/4/2017.

- c) Tiada had tempoh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : GARIS PANDUAN BARU PENDAFTARAN KILANG TIDAK SAH

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat kilang tidak sah di DUN Hulu Kelang?
- b) Di manakah lokasi dan berapakah bilangannya jika ada?
- c) Apakah perancangan Kerajaan untuk mendaftarkan kilang-kilang ini?

JAWAPAN:

- a) Terdapat kilang tidak sah di DUN Hulu Kelang seperti bengkel kenderaan, perusahaan besi dan grill serta kilang perabot.
- b) Lokasi bagi kilang tidak sah adalah berada Kampung Klang Gate, Jalan Hulu Klang, Kuala Ampang dan Kampung Genting Klang. Bilangan yang terlibat adalah 26 unit.
- c) MPAJ tiada perancangan bagi mendaftarkan kilang-kilang ini. Hal ini disebabkan luar zon industri (zon kediaman). Melalui program pemutihan kilang tanpa kebenaran Negeri Selangor, kilang-kilang yang berada di luar zon hanya diberikan lesen sementara bagi tindakan berpindah ke lokasi kilang yang di dalam zon industri dalam tempoh pemutihan yang dijalankan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DI TAMAN MELAWATI

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Merujuk kepada tanah milik pemaju. Apakah nama-nama pemaju yang telah dan akan terlibat?
- b) Berapakah kondo-kondo mewah yang akan dibina?
- c) Bilakah taman rekreasi Central Park akan siap dibina?

JAWAPAN:

- a) Nama-nama pemaju yang terlibat ialah :
 - 1. Melawati Development Sdn Bhd
 - 2. Negara Properties Sdn. Bhd.
 - 3. Sime Darby Development Sdn Bhd
 - 4. Pembangunan Asmegah Sdn Bhd
 - 5. Twin Ridge Sdn Bhd
 - 6. TSA Land Sdn Bhd
 - 7. KLH Melawati Sdn Bhd
 - 8. Tristar Award Sdn Bhd
 - 9. Angkasa Gagah Sdn Bhd
 - 10. Majlis Agama Islam Selangor
 - 11. Loh & Loh Development Sdn Bhd
 - 12. Mitraland Sdn Bhd
 - 13. Home Grown Sdn Bhd
- b) Pembangunan bagi Bangunan berstrata (kondominium mewah) adalah berdasarkan kepada jenis permohonan atau pembangunan yang ingin dibangunkan oleh pemilik tanah atau pemaju. Sesuatu cadangan pembangunan juga tertakluk kepada “zoning” gunatanah di dalam Rancangan Tempatan yang mengandungi klasifikasi gunatanah serta nisbah plot bagi sesuatu kawasan. Ianya juga perlu merujuk kepada Manual Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor agar pembayaran dapat dibangunkan dalam keadaan harmoni, selesa dan selamat.
- c) Projek pembangunan Dewan Komuniti dan Taman Awam dan persekitaran Bandar Melawati dijadualkan akan siap pada 18 Jun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KG KEMENSAH LOKASI REKREASI NEGERI SELANGOR

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang perancangan untuk menjadikan Kg Kemensah, Hulu Kelang sebagai sebuah lokasi rekreasi Negeri Selangor atas sifatnya yang mempunyai pelbagai daya tarikan pelancongan rekreasi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memberi perhatian terhadap perkembangan Kg Kemensah sebagai sebuah lokasi rekreasi yang berhampiran dengan pusat bandar Kuala Lumpur. Pelbagai produk yang berpotensi seperti Air Terjun Kemensah, Kampung Orang Asli Kemensah, ATV Kemensah, dan termasuklah BBQ Lamb KL Kemensah yang tular di atas keunikan menikmati pengalaman makan di dalam sungai. Tidak terkecuali kemunculan resort-resort dan penawaran penginapan di sekitar Kemensah yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan.

Namun demikian, Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi-agensi seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Tourism Selangor perlu berhati-hati di dalam sebarang perancangan promosi dan pembangunan pelancongan yang akan dilaksanakan di Kg Kemensah memandangkan terdapat beberapa produk yang telah wujud dan dibangunkan oleh orang awam mempunyai beberapa isu keselamatan dan perundangan yang perlu ditangani segera seperti pelanggaran syarat tanah, tidak mempunyai Kebenaran Merancang PBT, tidak berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan sebagainya.

Justeru, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk melaksanakan Program Pemurnian Pelancongan (P3S) bagi menyelesaikan isu-isu yang terdapat di Kg Kemensah secara berperingkat. Kerajaan Negeri, melalui program P3S yang dilaksanakan kelak dijangkakan akan memberi manfaat dan seterusnya menjadikan Kg Kemensah, Hulu Kelang sebagai sebuah lokasi rekreasi Negeri Selangor yang bukan sahaja popular bahkan selamat untuk dikunjungi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK RIVER OF LIFE

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek River of Life yang melibatkan kawasan dalam Negeri Selangor? Adakah Kerajaan berhasrat menyambung semula apa-apa projek ini khususnya yang melibatkan sungai dalam kawasan Hulu Kelang?

JAWAPAN:

- a) Projek River Of Life melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur namun daerah yang bersempadan seperti Daerah Gombak dan Hulu Langat menerima limpahan pelaksanaan projek tersebut. Adalah menjadi hasrat jabatan untuk memastikan pelaksanaan River Of Life ini dilanjutkan ke atas semua sungai-sungai khususnya di kawasan Hulu Kelang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS TAPAK PEMINDAHAN BARU PENIAGA SUSUR UKAY
PERDANA**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pertanyaan mulut saya tentang perkara di atas telah dijawab secara bertulis sebagai: "Kerajaan Negeri, PTD Gombak dan pihak MPAJ tidak pernah berjanji untuk menyediakan penempatan baru peniaga." Manakala semakan saya terhadap hansard Dewan Negeri Selangor, 9 Nov 2017, ms 19 merujuk kepada penggugulan Dato Menteri Besar adalah seperti berikut : "... saya telah pun menyatakan kepada Pegawai Daerah Gombak untuk segera mengenal pasti satu tapak baru bagi memindahkan peniaga tersebut di tapak yang sesuai bagi aktiviti perniagaan mereka. Ini jaminan yang diberikan Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah Gombak telah pun memulakan usaha ini dan mereka telah pun berbincang dengan pihak MPAJ tentang kaedah yang akan dibangunkan ada kemungkinan MPAJ akan membangunkan bangunan-bangunan perniagaan dan kemudiannya kita sewakan kepada peniaga-peniaga dalam kadar yang amat minimum." Apakah status sebenar tapak pemindahan baru buat peniaga-peniaga susur Ukay Perdana?

JAWAPAN:

- a) Status terkini tapak pemindahan baru buat peniaga-peniaga susur Ukay Perdana adalah seperti berikut:
- i. Permohonan pewartaan tapak gerai tersebut telah pun diluluskan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 19 September 2019 dan kini dalam proses penyediaan Pelan Akui oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Selangor (JUPEM Selangor).
 - ii. Siar warta perizaban tapak ini akan dibuat setelah PDT Gombak menerima Pelan Akui bagi tapak berkenaan daripada pihak JUPEM Selangor.
 - iii. Pihak MPAJ boleh membina gerai dan seterusnya menyewakan kepada peniaga-peniaga terbabit setelah siar warta dicetak oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) SELANGOR

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah syarikat GLC di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah nama syarikat-syarikat GLC itu dan siapakah pengarah GLC ini?
- c) Berapakah keuntungan tahunan GLC itu dan berapakah pendapatan yang telah mereka sumbangkan kepada pendapatan negeri?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PELANCONGAN DI KLANG

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaik taraf Gedung Raja Abdullah dan kawasan sekitar sebagai kawasan pelancongan?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengangkat martabat seni warisan Melayu seperti cempuling supaya setaraf dengan dikir barat atau ulik mayang?

JAWAPAN:

- a) Gedung Raja Abdullah merupakan sebuah bangunan dua tingkat bercirikan senibina Inggeris dan telah dibina oleh Raja Abdullah di Pekan Batu Klang tebing Sungai Klang pada tahun 1856 sebagai tempat kediaman dan menyimpan bijih timah. Raja Abdullah merupakan wakil Sultan yang diperintahkan mengutip hasil dan memperdagangkan bijih timah yang dihasilkan di Lembah Klang. Pada tahun 1866, Gedung Raja Abdullah dijadikan sebagai kubu pertahanan orang-orang Bugis dari serangan Raja Mahadi yang berkubu di Kota Raja Mahadi tidak jauh dari kawasan ini (perkarangan bangunan Majlis Perbandaran Klang sekarang) semasa berlakunya Perang Saudara (Perang Klang pada tahun 1867 hingga 1873). Majlis Mesyuarat Negeri (Dewan Undangan Negeri) ditubuhkan oleh Sultan Abdul Samad berdasarkan kaedah Barat dan mengikut panduan Bloomfield Douglas iaitu Residen Inggeris di Selangor. Persidangan pertama diadakan di ruang tingkat atas Gedung Raja Abdullah, Klang.

Pada bulan Mac 1880, pentadbiran British di Selangor telah berpindah dari Klang ke Kuala Lumpur. Perpindahan tersebut menjadikan pengurusan bangunan Gedung Raja Abdullah diambil oleh pihak polis untuk dijadikan Ibu Pejabat Polis Daerah Klang. Selepas 100 tahun (1880-1980), Gedung Raja Abdullah dikosongkan oleh pihak polis dan berpindah ke bangunan berek dan pejabat yang baru siap dibina dibahagian belakang Gedung ini.

Pada tahun 1984, Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia pernah membuat kerja-kerja konservasi pada bangunan ini dan diteruskan oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2008. Terkini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah melaksanakan kerja-kerja

naik taraf bangunan Gedung Raja Abdullah bermula pada 6 Ogos 2018 dan selesai dilaksanakan pada 2 Ogos 2019. (Rujuk Gambar 1) Kerja naik taraf ini merangkumi kerosakan utama seperti bahagian bumbung, dinding, struktur lantai, pagar, tangga, pintu dan tingkap. Masalah struktur bumbung merangkumi pereputan kayu akibat kelembapan kayu dan serangan anai-anai. Kecacatan struktur bumbung bangunan ini boleh dijumpai di papan rasuk dan rangka atap.

Bagi menggalakkan aktiviti pelancongan, bangunan yang telah selesai dinaik taraf ini akan kekal dengan nama Gedung Raja Abdullah dan kerja-kerja pengisian (Muzium atau Galeri) sedang dalam perancangan pihak PADAT merangkumi sejarah berkaitan bandar Klang, Raja Abdullah, perlombongan bijih timah dan balai polis. Kedudukan Gedung Raja Abdullah berhampiran Pengkalan Batu di Sungai Klang ini merupakan lokasi yang sangat strategik. Hal ini kerana, terdapat banyak tempat menarik berdekatan dengan Gedung Raja Abdullah seperti Sultan Abdul Aziz Royal Gallery, Sri Kota Specialist Medical Centre, Klang River, Kota Bridge dan lain-lain. Pelancong dari dalam dan luar negara dapat melawat Gedung Raja Abdullah dan dapat mengetahui dengan lebih dekat lagi mengenai sejarah bijih timah dan keunikan seni bina di Gedung Raja Abdullah.

Usaha ini dapat direalisasikan dengan menjalinkan kerjasama bersama Tourism Selangor, Majlis Perbandaran Klang dan Pejabat Daerah Tanah dan Klang dalam mewujudkan Heritage Trail kepada pelancong bagi mengenali sejarah kegemilangan bandar Klang khususnya di kawasan sekitar Gedung Raja Abdullah.





Gambar 1: Keadaan terkini bangunan Gedung Raja Abdullah setelah selesai kerja-kerja baik pulih.

- b) Antara perancangan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) untuk mengangkat martabat seni warisan Melayu adalah seperti berikut :

i) MENUBUHKAN KUMPULAN CEMPULENG DI PERINGKAT SEKOLAH

Mewujudkan kelab-kelab cempuleng di sekolah-sekolah dimana pihak PADAT memberi pinjaman peralatan bermula 23 Januari 2019 selama setahun kepada beberapa sekolah. Pihak PADAT juga telah melantik dan menyediakan tenaga pengajar selama 24 jam memberi latihan dengan mengikut jadual yang disusun oleh pihak sekolah. Impaknya terdapat 11 buah Sekolah yang telah mempunyai kumpulan cempuleng dan mendapat banyak jemputan dari pihak-pihak lain untuk membuat persembahan.

KUMPULAN CEMPULENG SEKOLAH

BIL	NAMA SEKOLAH	NAMA KUMPULAN
1.	SMK Bukit Kapar, Klang	Panca Indera Mahkota
2.	Sek Keb Sungai Lang	Sinar Tunas Cempuleng
3.	Sek Men Keb Sg Manggis, Banting	D'Manggis
4.	SMK Sungai Kapar Indah, Klang	Raudhah Nirwana
5.	SMK Jugra, Banting	Nada Sinar Temasya
6.	SMKA Kuala Selangor	Shababul Ummah Chemp's
7.	SAM Unwanus Saadah, Kanchong Darat Banting	Cempuleng Saadah

BIL	NAMA SEKOLAH	NAMA KUMPULAN
8.	SK Bukit Bangkong, Sg Pelek	Hei Mui Gereh
9.	SMK Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Mustika Seni
10.	SMK Dato Mustafa, Sekinchan	Cempuleng ALMUSTAFFA
11.	SMAT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam	Arjuna

ii) MEMBERI BANTUAN PINJAMAN PERALATAN KEPADA KUMPULAN BARU

Pihak PADAT juga memberi bantuan pinjaman alatan kepada kumpulan-kumpulan baru yang berhasrat menubuhkan kumpulan cempuleng antaranya Kumpulan Cempuleng Sri Rantau, Rantau Panjang Klang dan Kumpulan Cempuleng Al Ikhlas, Sijangkang.

iii) PERTANDINGAN MUZIK CEMPULENG

Di atas usaha-usaha ini PADAT telah dapat menambah kumpulan Cempuleng dari 11 kumpulan kepada 25 kumpulan keseluruhannya. Lantaran itu PADAT melangkah setapak untuk mencungkil bakat dan menggalakkan penubuhan cempuleng dengan melaksanakan Pertandingan Muzik Cempuleng dua (2) Kategori iaitu Sekolah dan Terbuka pada :-

Tarikh : 24 Ogos 2019 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : Bangunan Teater Shah Alam

Di atas usaha ini 25 kumpulan telah bertanding di antaranya :-

KATEGORI TERBUKA

1. Kumpulan Cempuleng Warisan Era Baru Kampung Bukit Kapar
2. Kumpulan Sinar Warisan Telok Gong
3. Kumpulan Seni Warisan Telok Gong
4. Kumpulan Cempuling Damar Wulan, Sepang
5. Riadhah Cempuleng Kanchong Darat
6. Cempuleng Irama Damai Sg Lang
7. Cempuleng Seni Asli Kg Sg Serdang, Kapar
8. Kumpulan Seni Irama Cempuling Tg Karang
9. Kumpulan Cempuleng Sri Rantau, Rantau Panjang Klang

10. Kumpulan Cempuleng Al Ikhlas, Sijangkang
11. Kumpulan Seni Cempuleng Warisan Bukit Kapar
12. Kumpulan Seni Cempuleng Generasi Bukit Kapar
13. Kumpulan Cempuleng Layar Irama, Sg Lang
14. Kumpulan Cempuleng Rangkaian Irama, Telok Gong

KATEGORI SEKOLAH

BIL	NAMA SEKOLAH	NAMA KUMPULAN
1.	SMK Bukit Kapar, Klang	Panca Indera Mahkota
2.	Sek Keb Sungai Lang	Sinar Tunas Cempuleng
3.	Sek Men Keb Sg Manggis, Banting	D'Manggis
4.	SMK Sungai Kapar Indah, Klang	Raudhah Nirwana
5.	SMK Jugra, Banting	Nada Sinar Temasya
6.	SMKA Kuala Selangor	Shababul Ummah Chemp's
7.	SAM Unwanus Saadah Kanchong Darat	Cempuleng Saadah
8.	SK Bukit Bangkong, Sg Pelek	Hei Mui Gereh
9.	SMK Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Mustika Seni
10.	SMK Dato Mustafa, Sekinchan	Cempuleng ALMUSTAFFA
11.	SMAT Tengku Ampuan Jemaah Shah Alam	Arjuna

iv) PERANCANGAN AKAN DATANG

PADAT akan mengadakan Festival dan Simfoni Seni Muzik Cempuleng

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN UNTUK GOLONGAN M40 BANDAR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim bantuan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan M40 di bandar?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor yang merangkumi semua golongan B40 dan M40 Negeri Selangor yang layak dan memenuhi kriteria dan syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan.

Program IPR yang boleh dimohon oleh golongan M40 seperti di Lampiran I.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BAKAT SUKAN DI SELANGOR

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengeluarkan dana yang besar bagi melahirkan atlet-atlet Selangor yang berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa?

JAWAPAN:

- a) Bagi melahirkan atlet-atlet Selangor yang berprestasi tinggi sememangnya memerlukan dana yang besar kerana penumpuan untuk melahirkan atlet yang berjaya ini bukanlah satu proses jangkamasa pendek, malah ianya merupakan satu proses jangkamasa panjang yang melibatkan pelbagai elemen Sains Sukan yang perlu diintegrasikan dan dibangunkan seiring serta dana besar yang konsisten untuk keberhasilan prestasi atlet yang terbaik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM7 juta pada tahun 2020 ini kepada Majlis Sukan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan sukan ini mencapai tahap yang terbaik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Walau bagaimanapun dana ini tidak mencukupi untuk membangunkan kesemua 40 sukan di bawah gabungan pihak Majlis Sukan Negeri Selangor namun pihak Majlis sedang berusaha untuk mendapatkan bantuan dan sumbangan dengan melibatkan agensi-agensi lain untuk bersama-sama memajukan sukan di Negeri Selangor.

Berdasarkan kepada perkembangan semasa, pihak Majlis memerlukan dana konsisten berjumlah RM18 juta setahun untuk pembangunan sukan secara menyeluruh yang melibatkan keseluruhan elemen dan faktor penting dalam keberhasilan atlet yang berjaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Elemen-elemen ini penting dan perlu selari dalam proses menghasilkan atlet Selangor yang terbaik khususnya dari aspek pembangunan fizikal dan teknikal melalui program periodisasi, pemakanan atlet melalui suplemen-suplemen yang mengikut spesifik atlet dan jenis sukan, pendedahan kepada kejohanan dalam dan luar negara, keperluan kepakaran (Sains Sukan) dalam menganalisa prestasi semasa, kebajikan atlet dan jurulatih yang melibatkan gaji, elaun dan pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan semua Pejabat ADN, Pejabat Ahli Majlis, Pejabat MPKK sebagai hot spot Wifi Selangorku secara automatik bagi memperluaskan jaringan internet percuma kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Sejak dilaksanakan pada tahun 2015 program Wifi Selangorku atau yang kini lebih dikenali sebagai WiFi Smart Selangor sudah mempunyai 3,699 hot spot. Kriteria lokasi pemilihan pemasangan kawasan *hotspot* WiFi Smart Selangor adalah berdasar kepada beberapa faktor utama iaitu:
- i. Kawasan umum yang menjadi tumpuan ramai,
 - ii. Kawasan yang mempunyai nilai strategik yang tinggi,
 - iii. Kawasan yang mempunyai nilai faedah terbaik di bawah penyelenggaraan kerajaan Negeri Selangor dan Syarikat Berkait Kerajaan Negeri,
 - iv. Kawasan yang telah tersedia infrastruktur digital yang memenuhi komitmen kelajuan asas jalur lebar.

SMARTSEL sentiasa menerima dan menimbang cadangan dan permintaan daripada semua pihak untuk menambah kawasan liputan WiFi Smart Selangor berdasarkan faktor-faktor tersebut di atas dan perkembangan semasa,